

**SATU TINJAUAN DALAM KALANGAN WANITA BERKAHWIN DAN
BEKERJA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
TERHADAP AMALAN POLIGAMI**

ZULFIKRI BIN HASSAN

**Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Bimbingan dan Kaunseling)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

JUN 2012

Istimewa Buat al Marhum Ayahandaku

Kepada Bonda , Kedua Mertua, Isteri Dan

Anak-Anak Tersayang

Serta

Seisi Keluarga

Atas Pengorbanan

Dan Iringan Doa Kalian.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di atas segala limpah kurnia, rahmat dan petunjuk-Nya membolehkan laporan penyelidikan ini berjaya disiapkan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat-sahabat Baginda yang sama-sama berjuang untuk menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini.

Penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Dr. Faizah binti Abdul Ghani dan PM Dr. Azhar Bin Muhammad di atas segala panduan, tunjuk ajar, petua, teguran, dorongan dan buah fikiran sepanjang tempoh menyiapkan projek sarjana ini. Allah SWT juga yang akan membala segala sumbangan kalian. Penulis juga merakamkan penghargaan kepada para responden yang memberi sumbangan dalam temu bual sehingga kajian tinjauan ini berjaya disiapkan.

Penghargaan juga diberikan kepada isteri, ibu, ayah ,anak-anak, adik beradik serta teman-teman yang memberikan bantuan dan sesiapa juga yang telah memberikan sumbangan kepada penyelidikan ini secara langsung atau pun secara tidak langsung. Semoga semuanya diberikan inayah dan keberkatan hidup oleh Allah SWT di dunia yang fana ini seterusnya kebahagiaan di akhirat kelak. Amin.

DEDIKASI

Istimewa Buat al Marhum Ayahandaku

*Kepada Bonda , Kedua Mertua, Isteri Dan
Anak-Anak Tersayang
Serta
Seisi Keluarga
Atas Pengorbanan
Dan Iringan Doa Kalian.*

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang mengkaji persepsi terhadap amalan poligami dalam kalangan wanita berkahwin dan bekerja di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini bertujuan mendapatkan persepsi staf wanita terhadap amalan ini serta mengetahui sejauh mana persetujuan mereka terhadap amalan ini serta faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut. Kajian kualitatif ini dijalankan kepada staf akademik, pegawai dan staf sokongan melalui temu bual sepenuhnya dengan mengeluarkan tema utama serta sub-sub tema untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Nvivo* untuk menstrukturkan tema-tema selaras dengan teks temu bual yang diperolehi daripada responden. Keputusan kajian mendapati tiga tema penerimaan yang mencatatkan kekerapan tertinggi dengan 88.8 peratus iaitu aspek pegangan agama dan berilmu, kemampuan dari segi ekonomi, zahir dan batin serta aspek keadilan. Tema suami yang lalai terhadap tuntutan syariat Islam, bersikap negatif dalam kehidupan mencatatkan kekerapan penolakan tertinggi iaitu 88.8 peratus diikuti dengan dorongan nafsu sebanyak 77.7 peratus dan masing-masing 44.4 peratus bagi tema peranan suasana sekeliling serta pengaruh media dan situasi isteri yang kecewa dengan sikap suami.

ABSTRACT

This study is the survey that examines the practice of polygamy among married women and work in University Technology Malaysia. This study aims to obtain the perception of female staff on third practice and to know the extent agreement or not these practices and the factors that influence the decision. This qualitative study was conducted to academic staff, officers and staffs through an interview completely by removing the main theme and sub-themes to support the findings. These data were analyzed using *Nvivo* software to restructure in line with the themes derived from interview respondents. The result showed that the three themes of acceptance, with recorded the highest frequency with 88.8 per cent, aspects of religion and knowledge, the ability of economic, pure and of justice. The default theme husband against claims of Islam, to be negative in live had the highest rejection frequency of 88.8 percent followed by a 77.7 percent of desire and 44.4 percent respectively for the environmental theme of the role and influence of media and situation of the wife who was disappointed with the attitude of the husband.

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|--|-------------------|
| 2.1 | Kenapa Rasulullah SAW Berpoligami | 24 |
| 2.2 | Perbezaan Kaunseling Barat Berbanding Kaunseling Islam | 46 |
| 3.1 | Susunan Rangka Kerja Ringkas | 58 |
| 4.1 | Persepsi Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 67 |
| 4.2 | Pendirian Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 70 |
| 4.3 | Rumusan Pendirian Responden Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 73 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.4 | Peratusan Rumusan Pendirian Responden Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 73 |
| 4.5 | Rumusan Pendirian Responden Berdasarkan Pekerjaan | 74 |
| 4.6 | Peratusan Rumusan Pendirian Responden Berdasarkan Pekerjaan | 74 |
| 4.7 | Faktor Setuju Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 75 |
| 4.8 | Faktor Tidak Setuju Wanita Berkahwin dan Bekerja Di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 79 |
| 4.9 | Dapatan Kajian Secara Keseluruhan | 83 |
| 4.10 | Tema Khas Wanita Berkahwin dan Bekerja di Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Amalan Poligami | 84 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|---|
| NGO | Non Goverment Organisation (Kumpulan bukan kerajaan) |
| PKK | Pusat Khidmat Kaunseling |
| SAW | <i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i> |
| SMKA | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| SWT | <i>Subhanahu wa Ta'ala</i> |
| UIA | Universiti Islam Antarabangsa |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A

Teks temu bual dengan sembilan orang responden

KANDUNGAN

| BAB | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--------------------------------|-------------------|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | i |
| | JUDUL TESIS | ii |
| | PENGAKUAN PENYELIA | iii |
| | PENGAKUAN PENULIS | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | DEDIKASI | vi |
| | ABSTRAK | vii |
| | ABSTRACT | viii |
| | SENARAI JADUAL | ix |
| | SENARAI LAMPIRAN | xii |
| | KANDUNGAN | xiii |

BAB 1 PENDAHULUAN

| | | |
|-------|-----------------------------|----|
| 1.0 | Pengenalan | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Masalah | 4 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 7 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.6 | Skop Kajian | 9 |
| 1.7 | Definisi Konsep Operasional | 9 |
| 1.7.1 | Poligami | 10 |
| 1.7.2 | Tinjauan | 10 |
| 1.7.3 | Melayu | 10 |
| 1.7.4 | Amalan | 11 |
| 1.7.5 | Berkahwin | 11 |
| 1.7.6 | Bekerja | 11 |
| 1.8 | Kesimpulan | 12 |

BAB 2 SORATAN PENULISAN

| | | |
|-------|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 13 |
| 2.1 | Minda | 14 |
| 2.1.1 | Minda Sedar dan Minda Separa Sedar | 15 |
| 2.1.2 | Rahsia Keamanan Minda | 16 |
| 2.1.3 | Kuasa Berfikir dan Pemikir | 17 |
| 2.1.4 | Pendapat Umum dan Prejudis | 17 |
| 2.1.5 | Sensasi dan Pemikiran | 18 |
| 2.1.6 | Sistem Kepercayaan (<i>Belief System</i>) | 18 |
| 2.1.7 | Bagaimana Kepercayaan Tidak Rasional (<i>Wrong Belief System</i>) Mendatangkan Masalah | 20 |
| 2.3 | Poligami | 21 |
| 2.3.1 | Justifikasi Aqidah | 22 |
| 2.3.2 | Pensyariatan Poligami Terhadap Rasulullah SAW | 23 |
| 2.3.3 | Kenapa Rasulullah SAW Berpoligami | 24 |
| 2.3.4 | Poligami Menurut Kaca Mata Barat | 27 |
| 2.3.5 | Kewajipan Berlaku Adil | 28 |
| 2.3.6 | Poligami Menurut Undang-undang Keluarga Islam | 30 |

| | | |
|-------|---|----|
| 2.3.7 | Keharusan Berpoligami | 31 |
| 2.3.8 | Hukum Berpoligami | 33 |
| 2.3.9 | Halangan Berpoligami Masyarakat Masa Kini | 34 |
| 2.4 | Keluarga Bahagia | 36 |
| 2.4.1 | Peranan Kedua Pasangan Suami Isteri | 37 |
| 2.4.2 | Persoalan Kufu Serta Kepentingannya | 40 |
| 2.4.3 | Corak Pergaulan Seorang Suami Antara Isteri-isterinya | 41 |
| 2.5 | Perkara <i>Awlawiyyat</i> dalam Islam | 42 |
| 2.6 | Konsep, Falsafah dan Prinsip Kaunseling Cara Islam | 44 |
| 2.7 | Perbandingan Antara Kaunseling Islam dengan Kaunseling Barat | 46 |
| 2.8 | Kaunseling Cara Islam | 48 |
| 2.8.1 | Rumusan Tentang Kaunseling Cara Islam | 50 |
| 2.9 | Sorotan Kajian Lepas | 51 |
| 2.10 | Penutup | 52 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-----------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 54 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 54 |
| 3.2 | Temu Bual | 55 |
| 3.3 | Perisian <i>Nvivo</i> | 56 |
| 3.4 | Lokasi Temu Bual | 57 |
| 3.5 | Responden Kajian | 57 |
| 3.6 | Analisis Data | 58 |
| 3.7 | Kesimpulan | 59 |

BAB 4 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

| | | |
|-------|------------------------|----|
| 4.0 | Pengenalan | 60 |
| 4.1 | Kajian Sains Sosial | 60 |
| 4.2 | Temu Bual | 61 |
| 4.2.1 | Responden Temu Bual | 66 |
| 4.3 | Persepsi | 67 |
| 4.4 | Pendirian Responden | 70 |
| 4.5 | Faktor Bersetuju | 75 |
| 4.6 | Faktor Tidak Bersetuju | 79 |

| | | |
|------|-----------------------------------|----|
| 4.7 | Dapatan Kajian Secara Keseluruhan | 82 |
| 4.8 | Tema Khas | 84 |
| 4.9 | Rumusan Temu Bual | 88 |
| 4.10 | Penutup | 89 |

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--|----|
| 5.0 | Pengenalan | 90 |
| 5.1 | Perbincangan | 90 |
| 5.2 | Rumusan | 92 |
| 5.3 | Cadangan | 93 |
| 5.3.1 | Nafkah Zahir (Sara Hidup) | 93 |
| 5.3.2 | Nafkah Batin | 94 |
| 5.3.3 | Pendidikan Suami Terhadap Isteri | 94 |
| 5.3.4 | Suami Tiada Kelayakan dan Kemampuan | 94 |
| 5.3.5 | Isteri Curang | 95 |
| 5.3.6 | Membantu Wanita Bermasalah Disebabkan Poligami | 95 |
| 5.3.7 | Cadangan Kajian | 95 |
| 5.4 | Penutup | 96 |

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perkahwinan dituntut dalam Islam dan merupakan *sunnah* yang diasaskan oleh Rasulullah SAW. Melalui perkahwinan akan terbentuknya keluarga. Realitinya, setiap individu menginginkan keluarga yang bahagia serta menepati segala syarat dan ketentuan syariat. Kebahagiaan keluarga amat bergantung kepada pasangan suami isteri. Suami yang soleh, amanah serta bertanggungjawab di samping isteri yang taat akan mewujudkan komunikasi yang cemerlang seterusnya akan melahirkan suatu keluarga yang bahagia serta direhdai Allah SWT (Cik Hashim Mat Said, 2006). Menurut Nurbowo dan Apika Joko Mulyono (2003:6), Rasulullah SAW selaku contoh dan pautan kehidupan umat manusia menyempurnakan kehidupannya yang sempurna telah melalui kehidupan kekeluargaan Baginda secara monogami dan selepas kewafatan isteri yang tercinta iaitu Khadijah r.a, Baginda meneruskan kelangsungan hidup kekeluargaannya secara berpoligami. Selaku model kepada umat manusia, sudah tentu perjalanannya kehidupan baginda sama ada secara bermonogami mahupun

berpoligami mempunyai nilai *qudwah* yang bernilai yang sepatutnya ditontoni dan dituruti oleh umat sepanjang zaman.

Poligami bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat Melayu terutamanya di Malaysia. Namun dalam kepercayaan minda orang Melayu, poligami sentiasa menjadi suatu isu yang hangat diperkatakan bahkan sering dijadikan polemik dalam masyarakat sehingga menimbulkan pelbagai ketegangan dan kekeliruan tentang peramalannya. Penentangan terhadap poligami selalunya dikaitkan dengan wanita dan pertubuhan-pertubuhan wanita sehingga sampai kepada tahap penentangan hukum yang boleh membawa kepada kepincangan akidah (Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, 2006:4). Dari kaca mata kaunseling pula, kesan penentangan umum terutamanya yang datangnya dari golongan wanita ia menimbulkan banyak konflik kejiwaan dan emosi serta membawa kepada perubahan tingkah laku yang negatif terhadap golongan wanita yang mengalaminya sendiri. Zaleha Muhamat (2002:1) menjelaskan bahawa umat Islam sangat beruntung kerana Allah SWT telah menurunkan pedoman dan panduan bagi setiap perlakuan dan tindakan mereka. Poligami merupakan perkara suci, murni serta indah sekiranya pelaksanaan dan amalannya dilakukan berdasarkan panduan yang Allah SWT tetapkan di dalam al-Quran dan menurut *sunnah* dan *tarbiyah* yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Poligami menurut kaca mata Islam tidak mungkin membawa masalah bahkan ia disyariatkan untuk mengatasi masalah-masalah tertentu demi menjaga kesejahteraan semua pihak yang terlibat sama ada terhadap isteri yang sedia ada, isteri yang bakal dikahwini serta kesejahteraan keseluruhan keluarga yang saling bantu-membantu melalui kepimpinan suami yang adil. Firman Allah SWT:

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ حَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan: *Dan antara tanda-tanda yang membuktikan tanda kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kesihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi*

keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.

(Surah al-Rum 30:21)

Berdasarkan ayat di atas Allah SWT telah menunjuk arah kepada umat manusia tiga asas utama untuk memastikan keluarga berdiri utuh dan bahagia iaitu *sakinah* (ketenangan jiwa), *mawaddah* (perasaan cinta dan kasih sayang) dan *rahmah* (perasaan belas kasihan). Ikatan perkahwinan yang telus dapat digambarkan betapa seorang lelaki dan wanita yang sanggup menerima pasangannya seadanya yang sebelumnya asing untuk hidup bersama serta sanggup berpisah dengan ibu bapa, adik beradik dan keluarganya. Penerimaan dan kesanggupan ini memberI maksud masing-masing mengetahui bahawa hubungan yang dijalankan itu adalah hubungan yang kuat lagi erat yang akan membawa ketenangan, kasih sayang dan belas kasihan (Su'ad Ibrahim Soleh, 1989:16). Jelasnya, bagi menimbulkan suasana kebahagiaan dan keceriaan dalam keluarga, hak dan tanggungjawab suami isteri amat perlu difahami oleh kedua-dua belah pihak sebagaimana yang termaktub dalam akad pernikahan yang dilafazkan sebagai ikrar dan penyaksian menjunjung amanah dan tanggungjawab berkeluarga (Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi, 2006:67-68).

Kekalutan hidup kekeluargaan yang dibayangi oleh permasalahan poligami amat memberi kesan terhadap anak-anak. Dalam keadaan ibu bapa yang disibukkan dengan masalah keluarga inilah anak-anak akan beralih tempat meluahkan perasaan dan menghabiskan masa bersama dengan rakan sebaya mereka. Rakan sebaya menurut Mohd Salleh Lebar (2001:195) merupakan agen sosialisasi yang tidak kurang pentingnya khasnya kepada golongan remaja. Sama ada rakan sebaya tersebut membentuk perana positif atau negatif itulah permasalahannya. Pada tahap ini, tanpa perhatian ibu bapa terpulang kepada kebijaksanaan dan kesedaran anak-anak itu sendirilah untuk memilih arah tujuan hidupnya yang sebenar. Jikalau mereka pendai memilih rakan maka perkongsian pendapat dan pengalaman dapat membentuk kehidupan yang berjaya tetapi jika sebaliknya maka anak-anak yang terabai ini akan tersasar jauh sehingga sampai kepada tahap tidak dapat dibentuk lagi.

1.1 Latar Belakang Masalah

Muhammad Qutb (1994:180-183) menyatakan walaupun poligami merupakan sebahagian daripada syariat Islam dan sunnah Rasulullah SAW, namun boleh dikatakan tiada seorangpun berdasarkan kepercayaan dan pemikiran minda seseorang wanita Islam mengatakan perkongsian suami dengan dua, tiga atau empat wanita dapat menyenangkan hati wanita dan dapat mengundang kebahagiaan yang diimpi-impikan. Perkara ini disebabkan pada fikiran serta kepercayaan seseorang wanita itu tidak dapat membayangkan adakah dengan merelai poligami kehidupan keluarganya akan menjadi lebih baik ataupun memilih untuk diceraikan oleh suaminya dan seterusnya memilih hidup membujang tanpa suami.

Menurut Azlena Zainal dan Munir Shuib (2004:26-27), “pemikiran hitam putih” ini iaitu dalam keadaan tertekan, seseorang wanita itu akan melihat dirinya hanya dari sudut negatif dan gagal melihat apa-apa yang baik berkaitan dengan dirinya bahkan bertanggapan dirinya telah gagal menarik perhatian suami dalam mengurus rumahtangga. Menurut Zaleha Muhamat (2002:1), ramai dalam kalangan umat Islam dan bukan Islam memandang poligami sebagai satu perkara yang menghalang kesejahteraan keluarga yang terlibat sehingga mengundang keluarga yang porak peranda seterusnya kepada isu perceraian yang tidak berkesudahan. Tidak kurang juga yang berpendapat peruntukan poligami dalam Islam hanya bertujuan memenuhi hawa nafsu lelaki yang tidak cukup dengan seorang isteri. Imran Yusof (2007), mengibaratkan kebimbangan dan ketakutan khususnya daripada kaum wanita terhadap isi poligami ini kerana dengan amalan ini ia seolah-olah memberikan kemenangan moral kepada kaum lelaki sebagai ketua kepada kaum wanita. Sebaliknya pula bagi wanita ia merupakan petunjuk kepada mereka ke arah masalah sekiranya pihak lelaki yang ingin berpoligami itu tidak sepatutnya mengambil jalan tersebut atas sebab ketidakmampuan mereka sama ada dari aspek ekonomi, pegangan agama ataupun kemampuan dari sudut nafkah batin. Berdasarkan statistik yang dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, berlaku peningkatan pendaftaran untuk berpoligami di negeri Johor dari tahun 2008 dan 2009 iaitu daripada 53 dan 16 kepada 173 permohonan pada Julai 2010.

Begitu juga permohonan yang berjaya untuk berpoligami juga menunjukkan peningkatan dari 152 dan 89 pada tahun 2008 dan 2009 kepada 155 pada Julai 2010. Jesteru, permohonan dan peramalan yang semakin meningkat setiap tahun cukup membimbangkan kaum wanita yang trauma dengan peramalan poligami ini.

Banyak berlaku trauma dalam kepercayaan wanita Melayu berdasarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia terhadap isu poligami ini terutamanya yang melibatkan ketidakadilan terhadap nafkah zahir yang berbentuk sara hidup. Perkara ini bertambah parah sekiranya keluarga yang sedia ada mempunyai ramai anak yang masih bersekolah. Bagaimana keperluan perbelanjaan anak-anak ke sekolah serta keperluan membeli alatan sekolah dan buku-buku dapat dipenuhi sedangkan pendapatan suami yang berhasrat untuk berpoligami itu tidak memenuhi syarat ekonomi yang stabil. Begitu juga yang melibatkan nafkah batin berbentuk pergaulan dan hubungan kelamin, kemesraan, penjagaan maruah, penjagaan hati, jiwa, perasaan, emosi dan sebagainya yang mengundang keciciran tanggungjawab suami yang kebanyakannya lebih cenderung kepada isteri baru. Aspek pengabaian pendidikan terhadap isteri-isteri yang dimadukan dan anak-anak terutama pendidikan berbentuk keislaman serta alasan atau sebab untuk suami yang tidak memenuhi syarat dan kelayakan untuk suami berpoligami juga merupakan alasan kenapa wanita Melayu berfikiran negatif terhadap pelaksanaan poligami. Akibat kesibukan dan kecenderungan bapa dengan isteri baru, anak-anak yang sebelumnya diperhatikan tingkah laku mereka dari segi pergaulan dengan rakan sebaya semakin diabaikan. Kesannya, berlakulah keciciran tanggungjawab yang menyebabkan anak-anak merasakan suatu kebebasan hidup yang mengundang keruntuhan akhlak, pergaulan bebas, budaya merokok dan seterusnya penagihan dadah serta penzinaan dalam kalangan remaja (Leha @ Zaleha Muhamat, 2006:113). Menurut Azizi Yahaya *et al.*, (2004:215), poligami adalah satu perkataan keramat bagi kaum lelaki mahupun wanita. Kebanyakan lelaki mungkin berpendapat poligami dapat mengurangkan masalah sosial terutamanya penzinaan di samping dapat menghidupkan *sunnah* Rasulullah SAW tanpa melihat adakah aspek kemampuan dan keadilan dapat dilaksanakan terhadap isteri-isteri yang dimadukan.

Menurut Abdul Monir dan Siti Shamsiah (2006: 15-17), banyak berlaku keruntuhan rumah tangga akibat ketidakmampuan suami yang berpoligami. Suasana sesebuah keluarga yang aman bahagia sebelum seseorang suami memutuskan untuk berpoligami telah mengundang keruntuhan rumah tangga akibat terdesak dari aspek ekonomi. Ramai dalam kalangan lelaki yang mengambil jalan mudah untuk berpoligami dalam keadaan mereka tidak mampu dengan bernikah di sempadan Thailand semata-mata ingin memenuhi kehendak diri sendiri. Kesempitan dari sudut kewangan yang menyusul hidup mereka selepas berpoligami menyebabkan keadaan kedua-dua keluarga yang dibina berada dalam situasi yang meruncing. Tanggapan suami untuk menegakkan *sunnah* ditukar dengan kepincangan rumah tangga seterusnya menjurus kepada situasi yang tidak dapat dielakkan iaitu kehancuran rumah tangga sama ada dari pihak isteri tua ataupun dari pihak isteri muda. Oleh itu, di sesetengah negeri di Malaysia telah memperuntukkan peraturan ketat terhadap amalan poligami dengan kaedah *saddu al-zara'i* iaitu pihak berkuasa berhak menahan seorang suami daripada melakukan poligami sekiranya si suami gagal untuk membuktikan kemampuannya. Ini kerana akibat ketidakmampuan, suami boleh dianggap melakukan kezaliman terhadap isteri yang sedia ada dan juga kepada bakal isterinya yang baru.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan sistem kepercayaan kebanyakan wanita Melayu, pemikiran dan pegangan mereka masih pada takuk bahawa poligami akan mengundang pelbagai masalah keluargaan sehingga dapat memporak-perandakan institusi keluarga. Perkara ini mungkin berpunca daripada sikap “tutup jalan” golongan ini dengan tanggapan amalan poligami tidak menjamin keadilan dari pihak suami apabila berlaku dalam sesebuah keluarga. Pegangan kepercayaan yang terhasil dari pengalaman kehidupan bersama suami selama ini memungkinkan wanita Melayu tidak yakin tentang keadilan yang akan ditegakkan sebagaimana kehendak Islam yang sebenar dari pihak suami selepas mendapat isteri baru.

Bertitik tolak daripada kemelut permasalahan poligami ini, Ahmad Sarji (2006:36) menyarankan wanita yang berkebolehan dan berkelayakan haruslah

tampil ke hadapan dan masyarakat perlulah memberi peluang serta sokongan kepada mereka dalam pembangunan negara. Syarifah Hayaati (2006:39) menjelaskan bahawa kejayaan wanita Melayu secara khusus sama ada di luar rumah sebagai wanita berkerjaya mahupun di dalam rumahtangga sendiri bukan sekadar ditentukan dari faktor pengetahuan dan kepakaran sahaja tetapi faktor sokongan khasnya dari pihak suami. Namun, jikalau kaum wanita diabaikan ditambah lagi dengan kekusutan masalah keluarga khasnya yang berkaitan masalah poligami, bagaimanakah bahtera keluarga yang menyumbang kepada input yang positif kepada pembentukan peribadi anak-anak dan pembangunan negara dapat direalisasikan. Berikutnya permasalahan inilah kajian dijalankan oleh pengkaji yang merasakan perlu dibuat satu kajian tinjauan terhadap isu poligami dalam kalangan wanita Melayu untuk mengesahkan persepsi umum wanita Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti persepsi umum responden terhadap amalan poligami.
- ii. Mengenal pasti penerimaan atau penolakan responden terhadap amalan poligami dalam masyarakat.
- iii. Mengenal pasti faktor penerimaan dan penolakan amalan poligami dalam kalangan responden.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa perkara yang menjadi persoalan terhadap kajian ini telah dikenal pasti antaranya ialah:

- i. Apakah persepsi umum wanita Melayu terhadap amalan poligami?

- ii. Adakah wanita Melayu menerima atau menolak amalan poligami dalam masyarakat?
- iii. Apakah faktor penerimaan dan penolakan wanita Melayu terhadap amalan poligami dalam masyarakat?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan agar masyarakat Melayu di Malaysia terutamanya golongan wanita tidak lagi terbelenggu dengan trauma amalan poligami yang selalunya dimomokkan dengan label negatif sama ada daripada orang Islam sendiri mahupun musuh-musuh Islam. Dengan pendedahan terhadap sistem kepercayaan yang rasional yang dikuatkan dengan hujah keagamaan, logik akal dan pendekatan kaunseling cara Islam adalah diharapkan minda pemikiran wanita Melayu khususnya tidak lagi terpengaruh dengan perspektif negatif semata-mata dan berada pada tahap lama iaitu kebanyakan amalan poligami akan mengundang ketidakadilan, pengabaian tanggungjawab dan kegagalan rumah tangga. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi input berguna kepada golongan lelaki supaya berfikiran rasional terhadap amalan poligami sama ada yang terlibat secara langsung mahupun yang masih meneruskan hidup secara monogami. Dengan terungkapnya kepercayaan negatif kaum wanita terhadap isu ini dan tersingkapnya tuntutan sebenarnya kaum wanita di sebalik peramalan poligami maka aspek ketulusan serta keadilan akan akan dapat direalisasikan khususnya dari pihak suami apabila wujudnya perasaan saling memahami dan amanah selaras dengan tuntutan Islam.

Kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan kepada jabatan-jabatan agama terutama dalam mengendalikan sesi kaunseling terutama terhadap suami isteri yang dibelenggu masalah berkaitan poligami. Disebabkan kajian ini melibatkan kaum wanita sama ada yang bekerja mahupun suri rumahtangga, ia amat sesuai dijadikan rujukan ilmiah kepada bakal suami dan bakal isteri yang berhemah yang akan mendirikan rumahtangga agar keluarga tetap utuh dan begitu juga kepada suami yang akan mengamalkan amalan poligami ini serta para isteri yang akan

dimadukan agar momokan amalan poligami yang merugikan dapat dihindari sebaliknya mengundang keluarga kepada keluarga besar yang aman bahagia mengikut kehendak Islam dan *sunnah* Rasulullah SAW.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini diskopkan kepada wanita yang telah berkahwin dan masih bekerja di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Ta'zim. Responden yang dipilih dalam sesi temu bual terdiri daripada tiga kelompok yang berbeza jenis pekerjaan dan gred jawatan iaitu:

- i- Tiga pensyarah yang bertugas di Universiti Teknologi Malaysia.
- ii- Tiga pegawai yang bertugas di Universiti Teknologi Malaysia.
- iii- Tiga orang staf yang bertugas di Universiti Teknologi Malaysia.

Rasional skop kajian ini ialah untuk menilai perbezaan pandangan individu yang berbeza dari sudut tahap latar belakang pendidikan, taraf serta jawatan dalam pekerjaan dan situasi kerja yang berbeza. Diharap dapatkan yang diperolehi selepas sesi temu bual dijalankan akan menghasilkan pelbagai pendapat yang penting dan amat diperlukan dalam kajian ini.

1.7 Definisi Konsep dan Operasional

Dalam konteks ini terdapat beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan memahami makna yang bertepatan dengan kajian ini. Antaranya ialah:

1.7.1 Poligami

Menurut Noresah Baharom *et al.*, (2007) dan HB Hamzah *et al.*, (2001), poligami adalah amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama manakala Mahmud Bakyr (2003) pula mendefinisikan poligami sebagai sistem perkahwinan yang soleh iaitu satu pihak mengahwini beberapa lawan jenisnya dalam waktu yang sama atau beristeri lebih daripada satu pada masa yang sama. Jelasnya, poligami yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah suami yang mengahwini sama ada dua, tiga atau empat isteri dalam satu-satu masa.

1.7.2 Tinjauan

Menurut Noresah Baharom *et al.*, (2007), tinjauan adalah perbuatan meninjau serta pengambilan data dalam satu masa tertentu sebelum membuat sesuatu kesimpulan atau pandangan. Menurut Najib (1999), tinjauan ialah usaha meninjau situasi pada satu masa dan ianya seolah satu “*foto snapshot*” sesuatu peristiwa. Dalam kajian ini tinjauan dimaksudkan sebagai perbuatan meninjau melalui pengambilan data dalam sesi temu bual sebelum membuat sesuatu kesimpulan atau persepsi.

1.7.3 Melayu

Mahmud Bakyr (2003) mendefinisikan Melayu sebagai suku bangsa yang merupakan penduduk peribumi di Malaysia, Brunei dan beberapa bahagian di Indonesia. Menurut HB Hamzah *et al.*, (2001), Melayu adalah bangsa asal yang mendiami di daerah Nusantara di Asia Tenggara dan menurut Noresah Baharom *et al.*, (2007) pula sebagai satu nama suatu bangsa dan bahasa terutamanya di Malaysia. Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi (2006) melalui kajiannya berpendapat bahawa Melayu ialah bangsa yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu yang berasal dari rumpun bangsa Austronesia yang datang dari tanah besar b benua Asia. Mereka telah berhijrah ke Tanah Semenanjung kira-kira pada tahun

2500 Sebelum masehi dan dikenali sebagai Proto-Melayu. Dari sini mereka berkembang ke pulau di selatan Borneo, Sulawesi, Sumatera sehingga ke pulau Marquesas dan Hawaii. Jelasnya, Melayu yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah suku bangsa peribumi Melayu yang tinggal di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.

1.7.4 Amalan

Amalan ditakrifkan oleh Noresah Baharom *et al.*, (2007) sebagai sesuatu yang dilakukan atau dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan serta dianggap perbuatan baik atau kebajikan. Amalan menurut HB Hamzah *et al.*, (2001) ialah sesuatu perbuatan baik yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan dan sesuatu yang dikerjakan menjadi kebiasaan. Mahmud Bakyr (2003) menyatakan amalan ialah perbuatan baik, kebajikan serta perbuatan atau bacaan yang seharusnya dikerjakan dalam rangkaian ibadat atau sesuatu yang dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan. Amalan yang dipakai oleh pengkaji dalam kajian ini ialah suatu perkara lazim diamalkan sebagaimana kebiasaan sesuatu masyarakat dan diiktiraf sebagai baik.

1.7.5 Berkahwin

Menurut Noresah Baharom *et al.*, (2007), berkahwin memberi maksud ikatan isteri atau suami yang sah dengan akad yang menghalalkan bersetubuh atau berjimak. Dalam kajian ini berkahwin memberi makna nikah yang menghalalkan Jimak antara suami isteri.

1.7.6 Bekerja

Noresah Baharom *et al.*, (2007) mendefinisikan bekerja sebagai melakukan sesuatu dengan pembayarannya didasarkan kepada keseluruhan kerja yang terlibat iaitu bayarannya diperolehi setelah selesai kerja yang dibuat semuanya. Dalam kajian ini, bekerja merujuk kepada wanita yang bekerja di Universiti Teknologi Malaysia.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi wanita Melayu terhadap amalan poligami di Malaysia. Dalam menggapai titik permasalahan, pengkaji bertindak menyelidiki pendirian dan mendapatkan faktor penerimaan sesetengah wanita dan apakah faktor penolakannya. Hasilnya, pengkaji akan mengetahui pandangan umum wanita Melayu berhubung dengan amalan berpoligami ini dalam masyarakat serta faktor-faktor yang menjurus kepada perubahan minda masyarakat Melayu kepada lebih terbuka. Begitu juga usaha mencari jalan keluar terhadap faktor-faktor penolakan wanita Melayu supaya dihindari khususnya oleh suami yang segang ingin mengamalkan poligami ini dalam keluarganya supaya keluarga kekal aman bahagia walaupun sudah berpoligami.

BIBLIOGRAFI

Abdul Fattah Hassan (1998). *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Abdul Monir dan Siti Shamsiah (2006). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur

Abul Khairi al-Latifi (2004). *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam al-Syafi'e*. Al-Hidayah Publishers: Kuala Lumpur

Adawiah Ismail (2007). *Kaunseling Islam ke Arah Pembentikan Keluarga Dinamik*. Karisma Publication Sdn. Bhd.: Shah Alam

Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (30 Juz). Darul Fikir: Kuala Lumpur

Ahmad Baei Jaafar (2012). *Poligami Rasulullah SAW Bukan Sunnah untuk Semua Lelaki dlm Solusi Isu 40*. Telaga Biru Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Ahmad Irfan (2005). *Pengaruh Pemikiran Kepada Individu*. Synergy Publishing Co.: Kuala Lumpur

Ahmad Sarji (2006). *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam* dlm Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam. MPH Group Publishing Sdn. Bhd.: Petaling Jaya

Al-Ghazaliyy (t.t). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Juzuk 2. Dar Ihya' Turath al-Arabiyy: Beirut

Al-Ghazali, Muhammad (1999) Terjemahan: Megat Ahmad Supian. *Jaddid Hayatak @ Berubah Kepada Kehidupan Baru*. Penerbitan Darul Iman: Kuala Lumpur

Amaludin Ab. Rahman (2008). *Perkhidmatan Kaunseling: Pendekatan dalam Hikmah Berdakwah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Aminuddin (2005). *Amalan Poligami Di kalangan Warga Dunia: Studi Perbandingan* dlm The International Seminar on Muslim Women: Future and Challenges in Shaping The Ummah 2005. Universiti Teknologi Malaysia: Johor Bahru

Aminuddin (2005). *Feminisme dan Isu Poligami di Malaysia: Studi Bersama Islam* dlm The International Seminar on Muslim Women: Future and Challenges in Shaping The Ummah 2005. Universiti Teknologi Malaysia: Johor Bahru

Azhar *et al.*, (2006). *Undang-undang Keluarga Islam*. iBook Publication Sdn. Bhd.: Batu Caves, Selangor

Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi (2006). *Pengabaian Tanggungjawab Suami Isteri Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-orang Melayu* dlm Krisis dan Konflik Institusi Keluarga. Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (ed.). Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur

Azizi Yahaya *et al.*, (2027). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Azizi Yahaya *et al.*, (2010). *Psikologi Sosial*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai

Azlena Zainal dan Munir Shuib (2004). *Meningkatkan Potensi Minda*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Bentong, Pahang

Che Hashim Mat Said (2006). *Komunikasi: Kepentingan dan Halangan dalam Pembentukan Keluarga Cemerlang* dlm Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Abd. Rahim Abd Rashid, Sufean Husin & Jamaludin Tubah (ed.). Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur

Farideh Hamidi dan Sara Shirazi Motlagh (2010). *Comparisom of Irrational Belief and DefenceMechanisms in Patients with Obseeive Compulsive Disorder and Normal Individuals* dlm journal Prosedia Social and Behavioral Sciences

Fatimah Salleh dan Lim Chap Sam (2010). *Analisis Data Kualitatif* dlm Penyelidikan dalam Pendidikan. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Ghaziah *et al.*, (2010). *Pemerhatian dan Temu Bual* dlm Penyelidikan dalam Pendidikan. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Hareya J. *et al.*, (1998) *Relationship of Belief System to Shame and Guilt* dlm jurnal Personality and Individual Differences 25: www.pergamon.com

Hb Hamzah *et al.*, (2001). *Kamus Za'ba*. Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Imran Yusuf (2007). *Di Bawah Payung Aisyah: Tip-tip Poligami*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Batu Caves

Kamarudin Husin (2003). *Kemahiran Berfikir dan Berkommunikasi*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.:Subang Jaya

Leha @ Zaleha (2006). *Semakan Semula Pelaksanaan Poligami dalam Undang-undang di Malaysia* dlm Krisis dan Konflik Institusi Keluarga. Abd.

Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (ed.). Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur

Miklos Antal dan Laszio Balogh (2009). *Modeling Belief System with Scale-free Networks* dlm jurnal Neural Networks 22. www.elsevier.com/locate/neunet

Mohammad Nizam (2006). *Soal Jawab Remeh-remeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya*. Telaga Biru Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Mohammed Sharif Mustaffa *et al.*, (2007). *Kaunseliang dan Psikoterapi: Teori dan Amalan*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai

Mohd Fadzilah Kamsah (2007). *Keibubapaan: Perspektif Seorang Bapa* dlm Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa. MPH Group Publishing Sdn. Bhd.: Petaling Jaya.

Mohd Rozani Pawan Chek (2006). *Kuasa Minda Separa Sedar*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. :Batu Caves.

Mahmood Nazar Mohamed (2005). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Mahmud Bakyr (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei: Berakas, Brunei

Mohd Salleh Lebar (2001). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Thinkers Library Sdn. Bhd.: Batu Caves, Selangor

Mohd Yusof Othman (1998). *Isu-isu dalam Ilmu dan Pemikiran*. Aras Mega (M) Sdn. Bhd.: Kajang

Muhamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai

Muhamad Qutb (1994). Terjemahan oleh Yusoff Zaky Yacob. *Salah Faham Terhadap Islam*. Dian Darul Naim Sdn. Bhd: Kota Bharu

Mustaffa Suhaimi (2004). *Poligami: Seorang Lelaki Untuk Ramai Perempuan & Monogami: Seorang Lelaki Untuk Seorang Perempuan*. Progressive Publishing House Sdn. Bhd.:Kuala Lumpur

Nik Azis (2002). *Keluarga Berdaya Maju*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur

Noresah Baharom *et al.*, (2007). *Kamus Dewan*. Edisi ke 4. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Nurbowo dan Apiko Joko Mulyono (2003). *Indahnya Poligami: Pengalaman Keluarga Sakinah Puspo Wardoyo*. Senayan Abadi Publishing: Jakarta Selatan

Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Universiti Putra Malaysia: Serdang

Paizah Ismail (2004). *Status Wanita dalam Undang-undang Jenayah Islam*.Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia: Kuala Lumpur

Rosli Hussain (2002). *Teknik Pengawalan Tekanan Emosi & Minda*. Synergy Publishing Co.: Kuala Lumpur

Sidek Fadzil (2002). *Minda Muslim: Ketegaran dan Keluwesannya dlm Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP): Kuala Lumpur

Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin (2008). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Nilai, Negeri Sembilan

Shihabuddin (2005). *Gerbang Perkahwinan*. Jasmin Enterprise: Kuala Lumpur

Su'ad Ibrahim Soleh (1989). *Adwa' 'ala Nizam al-Usrah fi al-Islam*. Dar al-Diya': Mesir

Syarifah. Hayati (2006). *Wanita Berjaya: Kedudukan Mereka di Sisi Suami dan Kepentingan Kufu dalam Perkahwinan* dlm Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam. MPH Group Publishing Sdn. Bhd.: Petaling Jaya

Yusof al-Qaradhawi (1996). *Fiqh Keutamaan: Satu Kajian Baru dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah* (Penterjemah: Ahmad Nuryadi Asmawi). Thinker's Library Sdn. Bhd.: Batu Caves

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah (2006). *Poligami dan Undang-undang: Isu dan Realiti* dalam Manual Undang-undang Keluarga Islam. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi. Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur

Zaleha Muhamat (2002). *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Utusan Publication & Distributers Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur